

**Disiplin Akademik Sains Politik di Universiti
Kebangsaan Malaysia**
**Political Science Academic Discipline in Universiti
Kebangsaan Malaysia**

P. RAMASAMY

ABSTRAK

Selama hampir kira-kira dua dekad, program sains politik telah disusun atur mengikut subjek utama dan elektif atau pilihan dengan berdasarkan struktur Jabatan. Walau bagaimanapun, selesainya usaha penstrukturuan semula Fakulti pada tahun 2001, struktur Jabatan telah digantikan dengan Program. Melewati perubahan dari segi pentadbiran ini, secara keseluruhan boleh dikatakan bahawa sungguhpun program sains politik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapat sambutan ramai, namun program ini terus dihantui masalah tertentu berkaitan epistemologinya. Penekanan yang kuat terhadap empirisisme hasil banyak pengaruh akademia Amerika Syarikat, terus-menerus mengkesampingkan peranan teori dan falsafah yang lebih besar dalam konteks melatih pelajar di peringkat pra dan pasca siswazah. Sungguhpun kerelevenan program ini boleh dilihat dari segi perkembangannya ke dalam pelbagai sub-bidang seperti hubungan antarabangsa, politik ekonomi antarabangsa dan kajian strategik dan keselamatan, tumpuan yang diberikan akhir-akhir ini terhadap pendekatan multidisiplin telah menimbulkan masalah dalam konteks memperkuatkannya disiplin utama itu sendiri.

ABSTRACT

For nearly two decades or so, the political science programme organized on the basis of core and elective subjects had the benefit of the departmental structure. However, with the completion of administrative re-structuring in 2001, the departmental structure came to be replaced by a programme. Beyond the administrative changes, the political science programme as whole in Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) despite its popularity, continues to be marred by certain epistemological problems. The heavy emphasis on empiricism very much influenced by the American academia continues to negate the larger role of theory and philosophy in terms of training and equipping students both at the undergraduate and graduate levels. While the relevance of the programme can be seen in its expansion into various sub-fields such as international relations, international political economy and strategic and security studies, the recent emphasis on multi-disciplinary approach poses problems in terms of strengthening the core discipline as such.

PENGENALAN

Penilaian ke atas disiplin sains sosial, kurikulum, perkembangan serta kerelevannya terhadap dunia kontemporari walaupun dilihat sebagai suatu perkara yang tidak mustahil, namun ia adalah satu perkara yang sukar dilakukan. Walaupun terdapat kepelbagaian disiplin dalam sains sosial di kebanyakan institusi pengajian tinggi, tetapi mereka masih berkongsi objektif yang sama dari segi kandungan kursus serta misinya. Malah, pertumbuhan dan perkembangan disiplin sains sosial banyak bergantung kepada kepelbagaiannya faktor. Selaras dengan itu, faktor-faktor seperti pengaruh asing, sifat semulajadi sejarah perkembangan, rasional di sebalik pertumbuhan universiti, dan hubungan antara kerajaan dengan universiti juga mempengaruhi laluan atau arah perkembangan disiplin sains sosial. Menurut perspektif Positivis, disiplin sosial sains tidak setanding kuasa sains semulajadi. Walau bagaimanapun, perkembangan semasa yang berkaitan dengan budaya telah menawarkan satu peranan bebas kepada disiplin sains sosial dalam usaha membentuk idea, perbincangan dan pengaruh dalam pembinaan bangsa. Walaupun perbandingan dibuat terhadap sains sosial di negara-negara yang berbeza, pendekatan perbandingan ini mungkin mendatangkan masalah dari segi tindakan mengenalpasti aspek sejarah dan kontemporar sains sosial di negara-negara berkaitan. Walaupun pengaruh luar merupakan penentu kepada sifat semulajadi sains sosial, tetapi faktor sejarah, politik dan ekonomi dalam dunia global semasa lazimnya menjadi penentu kepada sifat semulajadi sains politik sesebuah negara (Gordon 1991; Ramasamy 1983).

Makalah ini berusaha meneliti sifat semulajadi disiplin sains politik yang dianggap sebagai satu komponen dalam Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Lebih tepat lagi, ia bertujuan menjelaki secara ringkas perkembangan disiplin ini di UKM dan menentukan sejauh mana disiplin ini serta kursus-kursus di bawahnya menyumbang kepada bidang ilmu pengetahuan. Selain itu, makalah ini cuba menganalisis kesan perubahan pentadbiran ke atas disiplin dan bakal cabaran masa depan yang akan dihadapi oleh disiplin tersebut. Makalah ini menghujah bahawa status epistemologi disiplin sains politik akan bergantung kepada pelbagai faktor. Walaupun perubahan pentadbiran dan akademik adalah penting, kerelevan kontemporar disiplin ini akan bergantung kepada bagaimana kita mendekati atau menjawab persoalan tentang ilmu pengetahuan, sejauh mana kebebasan yang diberikan di universiti, pencapaian kualitatif pelajar dan pensyarah dan akhirnya soalan sama ada program tersebut menyumbang kepada pemahaman terhadap masalah global kontemporar. Walaupun adalah sukar untuk mempengaruhi perubahan besar dari segi politik dalam konteks memberi autoriti yang lebih kepada pihak universiti, para pegawai universiti seharusnya bertindak di dalam kekangan tersebut untuk memastikan bahawa disiplin akademik tidak terhalang oleh kriteria birokrasi yang berlebihan supaya pihak akademik dan

pelajar dapat menyalurkan input yang penting ke dalam usaha memperbaiki kualiti kandungan kursus disiplin-disiplin akademik.

PERKEMBANGAN SAINS POLITIK

Impian untuk mewujudkan sebuah universiti di Malaysia yang menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah direalisasi dengan pembentukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 18 Mei 1970. Terdapat seramai 192 orang pelajar yang diterima masuk ke dalam fakulti-fakulti pengajian sains, sastera dan Islam semasa pengambilan pertama universiti. Sejak daripada tarikh tersebut, UKM telah mengalami perkembangan dan sehingga hari ini terdapat 12 buah fakulti, 4 buah pusat akademik, dan 3 buah institusi telah ditubuhkan. Kesemua fakulti kecuali Fakulti Perubatan terletak di kampus utama universiti di Bangi, Selangor. Sebelum penstrukturkan dilaksanakan pada tahun 2001, pengajian sains sosial terbahagi kepada 3 buah fakulti iaitu Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan (FSKK), Fakulti Pengajaran Bahasa (FPB) dan Fakulti Sains Pembangunan (FSP) (Shaharir 1994). Ketiga-tiga Fakulti tersebut telah diperlembagakan menjadi enam pusat pengajian di bawah naungan/payung sebuah Fakulti yang dinamakan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) semasa penstrukturkan semula dijalankan. Enam buah pusat tersebut adalah Pusat Pengajaran Bahasa dan Linguistik (PPBL), Pusat Pengajaran Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (PPBKKM), Pusat Pengajaran Media dan Komunikasi (PPMK), Pusat Pengajaran Psikologi dan Pembangunan Manusia (PPPPM), Pusat Pengajaran Sejarah, Politik dan Strategi (PPSPS) dan Pusat Pengajaran Sosial Pembangunan dan Persekutaran (PPSPP) (UKM 2004).

Jabatan Sains Politik yang ditubuhkan di UKM pada bulan Februari 1976 telah menjadi antara satu bahagian dalam FSSK. Berikutan dengan penstrukturkan semula pada tahun 2001, Jabatan telah dikonstruksi semula sebagai sebuah program yang ditawarkan oleh PPSPS. Objektif disiplin sains politik adalah untuk melahirkan individu yang berfikiran kritikal dan analitikal, yang mampu memperoleh pekerjaan sebagai pentadbir, guru, pengkaji, ahli politik, pensyarah, dan diplomat (UKM 1999). Sepanjang tiga dekad lepas, perkembangan kurikulum sains politik banyak bergantung pada kehadiran pensyarah-pensyarah/tenaga pengajar yang berkualiti. Pada awal pembentukan Jabatan ini, kebanyakan pensyarah hanya mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana. Pada awal tahun-tahun 1980an pula, dengan berbekalkan sejumlah 12 orang pensyarah iaitu 2 orang pensyarah yang berkelayakan PhD dan 10 orang pensyarah yang memegang Ijazah Sarjana, Jabatan Sains Politik telah menawarkan 10 buah kursus dalam dua semester. Bersesuaian dengan program Ijazah Sarjana Muda yang mengambil masa 4 tahun, kursus-kursus yang ditawarkan adalah Pengantar Sains Politik, Pengantar Pentadbiran Awam dan Politik, Pengantar Politik Perbandingan, Pemikiran Politik Melayu, Sistem Politik Arab, Isu-isu dalam

Pertahanan dan Keselamatan, Kestabilan dan Perubahan Politik, Penyelesaian Konflik dan Ekonomi Antarabangsa, Politik dan Masyarakat, Pengantar Politik Malaysia, Falsafah Politik, Pengantar Hubungan Antarabangsa, Politik Dunia Ketiga, Analisis Dasar Awam, Kerajaan dan Politik Kesatuan Soviet, Isu-isu Politik Malaysia dan Politik Hubungan Utara-Selatan (UKM 1985).

Kurikulum sains politik adalah berasaskan kursus wajib dan kursus elektif. Semasa semester pertama dan kedua, sekurang-kurangnya semasa tahun pertama dan tahun kedua pengajian, pelajar diwajibkan mengambil beberapa kursus wajib seperti (Pengantar Sains Politik, Pengantar Pentadbiran Awam, Pengantar Politik Perbandingan, Pengantar Politik Malaysia dan Falsafah Politik). Apabila pelajar berjaya menyempurnakan atau lulus dalam kursus-kursus teras tersebut, barulah mereka dibenarkan mengambil kursus-kursus elektif dalam tahun ketiga dan keempat pengajian mereka. Penggubalan kursus-kursus teras atau wajib ini adalah untuk menyediakan pendedahan kepada para pelajar dalam bidang sains politik. Pelajar yang tidak lulus dalam kursus teras dipercayai tidak mungkin lulus kursus elektif yang mereka ambil. Kursus teras adalah lebih bersifat konsep dan teori, manakala kursus elektif bersifat empirikal. Maka, satu kombinasi kursus teras dan elektif akan mempastikan pelajar menguasai asas-asas pengetahuan sains politik setelah mereka menyempurnakan pengajian mereka. Selain itu, para pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Politik juga diwajibkan menyempurnakan sebuah tesis setebal kira-kira 100 muka surat dan berdasarkan penyelidikan sebelum mereka dapat menyempurnakan program pengajian mereka secara sepenuhnya (UKM 1985).

UKM adalah satu-satunya universiti yang memiliki Jabatan Sains Politik di seluruh negara. Dengan peningkatan pengambilan kakitangan tambahan (khususnya mereka yang dihantar melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana dan PhD di luar negara), Program ini dapat berkembang secara sepenuhnya. Selaras dengan perkembangan yang menjadikan UKM satu daya tarikan kepada bakal pelajar dan pengambilan kakitangan baru, maka kursus-kursus baru telah diperkenalkan untuk memperlengkapkan kursus-kursus yang lama seperti Ekonomi Politik Malaysia, Politik Asia Selatan, Pemikiran Politik Asian, dan Teori Politik Radikal. Kursus-kursus ini telah diperkenalkan bukan semata-mata akibat kemasukan tenaga pengajar baru, tetapi juga disebabkan wujudnya kesedaran bahawa kurikulum politik seharusnya diperluaskan untuk memperkenalkan kursus dalam kajian wilayah dan ekonomi politik. Maka, pada penghujung tahun-tahun 1990-an, bilangan pensyarah di Jabatan ini telah ditambah kepada 14 (4 orang pensyarah berkelayakan PhD dan 10 orang pensyarah berkelayakan Ijazah Sarjana). Jabatan ini juga menerima bantuan daripada seramai lapan orang tutor bagi menguruskan kelas-kelas yang besar. Peluasan kurikulum juga berlaku pada tempoh ini iaitu, sebelum Jabatan ini mengalami penstrukturkan semula pada tahun 2001. Kursus baru yang diperkenalkan adalah Pengantar Kaedah Penyelidikan, Analisis Risiko Politik, Kerajaan Tempatan dan Politik, Reformasi Pentadbiran di Malaysia, Politik Asia Timur, dan

Pemikiran Politik Islam. Malah, dalam sepanjang tempoh ini juga pelajar dibenarkan untuk mendaftar dan mengikuti kursus-kursus yang berada di luar disiplin, khususnya bagi kursus-kursus yang berkaitan dengan sub-bidang politik dan pentadbiran politik dan pengurusan organisasi (UKM 1977).

Di awal tahun 2000, pembangunan sains politik dipengaruhi oleh perubahan pentadbiran dan akademik. Pembesaran FSSK dengan enam buah pusat pengajian telah mengakibatkan penurunan kedudukan atau status Program Sains Politik. Penurunan gred dari segi pentadbiran menyaksikan disiplin sains sosial dan disiplin-disiplin yang lain dilembagakan sebagai program di bawah pusat-pusat pengajian yang relevan. Sistem atau struktur pentadbiran jabatan yang sebelumnya menyediakan ruang bersuara bagi pelbagai disiplin dalam hal-hal berkaitan pengurusan dan peluasan program akademik masing-masing telah dihapuskan. Dalam pada itu, seiring dengan arahan Kerajaan untuk meningkatkan bekalan guna tenaga dalam pasaran kerja, pihak universiti telah mengurangkan tempoh pengajian program akademik kedua-dua aliran sains dan sains sosial daripada empat tahun menjadi tiga tahun. Walaupun paksaan penerimaan perubahan penstrukturran melibatkan aspek pentadbiran, tetapi pelaksanaannya sememangnya telah menghindar objektif mengorganisasi semula disiplin sains sosial untuk membenarkan pembangunan pendekatan antara disiplin dalam pengajaran dan penyelidikan.

Berikutnya penstrukturran semula, beberapa kursus baru telah ditambah kepada Program Sains Politik seperti Transformasi Politik Dunia, Demokrasi dan Masyarakat Sivil, Ideologi Islam dan Barat, Organisasi dan Pentadbiran (*governance*), Politik Sabah dan Sarawak, Politik Amerika Syarikat, dan Politik Eropah. Terdapat dua faktor mustahak yang menyumbang kepada pengenalan kursus-kursus ini. Faktor pertama adalah berkaitan dengan peluasan program ini dari segi penyertaan kakitangan pengajar baru dan kedua, berkaitan dengan bertambahnya kesedaran bahawa Program Sains Politik perlu memperkenalkan kursus-kursus baru yang mendedahkan pelajar kepada perkembangan ekonomi politik global. Walau bagaimanapun, peluasan program ini telah diperlengkapkan dengan keputusan Fakulti untuk mewajibkan para pelajar mengambil kursus-kursus yang berada di peringkat Fakulti dan Pusat Pengajaran. Kursus-kursus seperti Teknologi Maklumat dan Pengantar Falsafah ditawarkan di peringkat Fakulti manakala Masyarakat dan Politik Malaysia, dan Budaya Sejarah Rantau ditawarkan di peringkat Pusat Pengajaran (UKM 2000).

Dalam jangka masa dua dekad perkembangan disiplin sains politik, sejumlah besar pelajar telah menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda. Jabatan ini hanya mempunyai sejumlah kecil pelajar di peringkat Ijazah, iaitu di peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (DFal atau PhD). Kekurangan tenaga pengajar yang berpengalaman serta berkelayakan tinggi khususnya yang memiliki ijazah PhD telah menghalang perluasan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana. Walau bagaimanapun, di penghujung tahun-tahun 1990an, pengambilan pelajar Ijazah Sarjana telah meningkat secara mendadak. Beberapa faktor

dikenalpasti menyumbang kepada perkembangan tersebut. Pertama, pengenalan program Ijazah Sarjana yang terdiri daripada kombinasi kerja kursus dan projek penyelidikan telah menarik perhatian para pelajar tempatan dan luar negeri. Kedua, krisis ekonomi yang berlaku pada penghujung tahun-tahun 1990an menyebabkan ramai pelajar mengalami kesukaran mendapatkan pekerjaan dalam masa yang singkat. Maka, mereka telah mengambil keputusan melanjutkan pengajian mereka di peringkat Ijazah Sarjana bertujuan meningkatkan kemahiran mereka supaya lebih berdaya saing. Ketiga, dengan kemasukan beberapa pensyarah berkelayakan PhD, pengambilan pelajar untuk peringkat PhD bukan lagi satu masalah besar sebagaimana dihadapi pada awal-awal perkembangan Jabatan ini. Keempat, program sains politik sememangnya terbukti menarik di kalangan pelajar berbanding dengan disiplin-disiplin sains sosial yang lain. Perubahan dramatik dalam bidang politik dan ekonomi di peringkat nasional dan global telah mewujudkan satu keperluan bagi seseorang pelajar memahami politik, teori politik, politik perbandingan, hubungan antarabangsa dan kursus-kursus yang berkaitan. Pada masa kini, Program Sains Politik telah memiliki 80 orang pelajar Ijazah Sarjana yang bukan sahaja berasal daripada Malaysia malah daripada negara-negara luar.

Kursus Ijazah Sarjana terdiri daripada tujuh kursus teras atau wajib dan lima kursus elektif. Untuk melayakkan seseorang dikurniakan Ijazah Sarjana, seseorang pelajar harus mengambil kesemua kursus teras/wajib dan enam unit kursus elektif (iaitu sejumlah dua kursus elektif). Yang pentingnya, mereka harus menyempurnakan sebuah projek penyelidikan dalam bentuk tesis yang diberi nilai 6 unit. Kursus-kursus teras/wajib yang ditawarkan adalah Metodologi Sains Politik, Teori Sains Politik, Falsafah dan Ideologi Politik, Politik Antarabangsa, Ekonomi Politik, Politik Perbandingan dan Teori Politik Malaysia. Manakala kursus-kursus elektif yang ditawarkan adalah Dasar dan Pentadbiran Awam, Globalisasi dan Pentadbiran (*governance*), Politik Gender, Teori Politik dan Pentadbiran Islam, dan Analisis Risiko Politik. Pembahagian kursus-kursus kepada teras dan elektif adalah bertujuan memberikan pendedahan maksimum kepada pelajar dalam pelbagai sub-bidang politik dan juga memperkayakan pengetahuan empirik mereka. Bagi pelajar yang memilih pengajian Ijazah Sarjana berbentuk penyelidikan, mereka diwajib menyerahkan tesis yang berasaskan kerja empirikal yang mencukupi sebelum dihantar kepada pemeriksa luar untuk dinilai. Syarat yang sama juga dikenakan kepada mereka yang ingin memohon mengikuti pengajian di peringkat PhD. Mereka diwajib menjalankan penyelidikan yang mendalam dan tesis yang dihasilkan hendaklah dihantar untuk pemeriksaan secara teliti dan kritikal oleh dua orang pemeriksa luar yang dilantik oleh pihak universiti (UKM 2004).

Pengajaran sains politik dan kursus-kursus dalam pelbagai sub-disiplinnya bukanlah dimonopoli oleh Program Sains Politik. Walaupun kursus-kursus teras diajar di bawah Program ini, tetapi kursus-kursus yang berkaitan ditawarkan oleh unit-unit lain di bawah Fakulti yang sama atau ditawarkan di bawah jaringan

kerjasama akademik antara Fakulti dengan institusi-institusi Kerajaan. Sebagai contohnya, Program Sejarah di dalam Pusat Pengajian yang sama juga menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang sains politik seperti Sejarah Hubungan Luar Malaysia, Sejarah Pembentukan Bangsa dan Sejarah Kesultanan Melayu, yang ditawarkan di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Manakala, di peringkat Ijazah Sarjana, terdapat beberapa kursus seperti Pembentukan Bangsa Malaysia, Hubungan Antarabangsa dan Migrasi Malaysia, Buruh dan Masyarakat Malaysia. Sementara kursus-kursus sarjana seperti Hubungan Antarabangsa Kontemporar, Globalisasi dan Isu-isu Keselamatan Antarabangsa, Isu-isu Keselamatan Malaysia, Isu-isu Keselamatan Asia Pasifik, Pengurusan Krisis, Evolusi Strategi Pemikiran ditawarkan di bawah Program Pengajian Strategi juga di bawah Pusat Pengajian yang sama. Begitu juga dengan kursus-kursus yang ditawarkan oleh Program Antropologi dan Sosiologi, yang berada dalam Pusat Pengajian yang lain, seperti Pembentukan Negara Bangsa dan Identiti, dan Hubungan Etnik. Malah, program Ijazah Sarjana dalam strategi dan diplomasi juga ditawarkan melalui kerjasama antara UKM dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDHL) manakala kerjasama antara UKM dan Kolej Pertahanan telah menyediakan kursus-kursus yang berkaitan dengan hubungan antarabangsa dan ekonomi politik antarabangsa. (UKM 2004).

EPISTEMOLOGI SAINS POLITIK

Program Sains Politik yang wujud di UKM akan mencecah umur tiga dekad menjelang tahun 2006. Ia masih merupakan program yang paling digemari dan dibangun secara sepenuhnya berbanding dengan di universiti-universiti yang lain walaupun mengalami tindakan penstrukturran semula. Selain daripada pencapaian pembangunan yang mengagumkan, pihak universiti seharusnya mengambil usaha menilai aspek epistemologi program tersebut dan bagaimana ia dapat menyumbang kepada perlanjutan pengetahuan dari segi teori dan praktik. Walaupun kita mendapati bahawa program sains politik yang ditawarkan oleh negara-negara maju lebih mendalam dari segi kursus yang ditawarkan dan mempunyai tenaga pengajar yang berkelayakan, program sains politik di UKM secara berbanding adalah masih baru. Sememangnya, perkembangan asal disiplin tersebut di universiti pada peringkat awal banyak ditentukan oleh kurikulum yang digunakan oleh beberapa universiti di Amerika Syarikat. Hal ini selaras dengan pernyataan bahawa “sains” politik sememangnya dihasilkan oleh para akademia Amerika Syarikat. Oleh itu, tidak hairanlah mengapa sifat semulajadi program sains politik lebih bias kepada penerokaan pengetahuan empirikal berbanding dengan orientasi teoritikal mahupun falsafah. Namun begitu, sifat program yang lebih menjurus kepada orientasi empirikal tidak menghalangnya daripada mengambilkira dan menerokai teori dan konsep sains politik. Umpamanya, beberapa kursus teras program tersebut adalah lebih menjurus kepada usaha membantu pelajar memahami pelbagai teori dan konsep

supaya mereka mampu memahami bahan-bahan empirikal yang disediakan oleh kursus-kursus elektif (Riggs 2000).

Selain itu, pihak pengkritik program ini kerap terlepas pandang fakta bahawa masih terdapat dimensi teoritikal yang terkandung dalam kursus elektif yang bersifat empirikal. Kursus elektif tentang politik perbandingan dan hubungan antarabangsa menyediakan ruang tertentu untuk penjelasan teori dan konsep sebelum memberi tumpuan kepada kajian kes empirikal. Walau bagaimanapun, keberkesanan perbincangan teoritikal dan konseptual tidak dapat diabaikan. Namun, keberkesanan perbincangan tersebut banyak bergantung kepada sejauh mana penguasaan para pensyarah terhadap teori dan sejauh mana mereka mampu menunjukkan hubungan penting di antara dimensi teori dan empiri. Sekiranya para pensyarah cenderung mengelakkan diri daripada mengontekstual bahan-bahan kursus mereka, maka tentunya tindakan ini akan menimbulkan masalah tertentu. Perbincangan ini tidak mengatakan bahawa program sains politik yang ditawarkan adalah sempurna. Program yang ditawarkan sememangnya masih jauh daripada sempurna walaupun terdapat percubaan untuk memperbaiki kualiti program tersebut dari semasa ke semasa secara berterusan. Ulasan dan penilaian yang dijalankan oleh program ini dari semasa ke semasa jelas menggambarkan pernyataan bahawa pelajar sains politik di peringkat ijazah sarjana muda dan juga ijazah sarjana tidak berupaya memahami teori dan konsep dari segi kegunaannya dalam konteks yang lebih luas di dunia empirikal. Esei pelajar, kertas projek dan disertasi telah menunjukkan satu tanda yang menyedihkan tentang wujudnya jurang di antara aspek teoritikal dan falsafah.

Sememangnya kita tidak boleh menyalahkan program tersebut secara seratus peratus dalam hal ini. Namun, adalah sukar untuk mengambil pendekatan yang bersifat jangka panjang bagi memperbetulkan situasi tersebut kecuali dengan kehadiran para pensyarah yang berkelayakan yang sememangnya menguasai teori-teori sains politik. Program ini selalu berusaha membawa masuk kakitangan baru yang mempunyai kelayakan akademik yang cemerlang untuk menguatkan program ini. Namun begitu, usaha ini tidak begitu berjaya. Kekurangan insentif material dan halangan birokrasi kerap merumitkan keadaan. Universiti sebagai sebuah institusi awam sememangnya tidak mampu untuk bersaing dengan sektor swasta yang jauh lebih menarik dari segi bekalan material yang terbaik. Malah, tempoh masa panjang yang diperlukan untuk membolehkan seseorang dilantik ke jawatan yang lebih tinggi adalah aspek yang kurang menarik bagi bakal pensyarah. Kehilangan struktur Jabatan dalam keadaan tertentu telah membekukan pengambilan pensyarah dengan ramai. Hal ini kerana program tersebut telah kehilangan suara yang dapat mewakili jawatankuasa pembuat keputusan. Program ini akan terus diabaikan seandainya tiada pengambilan kakitangan berkelayakan PhD. dilakukan dalam masa yang terdekat.

Masalah kekurangan orientasi teoritikal (sejenis orientasi normatif) di dalam program sains politik dan di dalam sains sosial secara am adalah berkaitan dengan

masalah mentakrifkan maksud pengetahuan dan bagaimana untuk menimba pengetahuan. Dengan berbekalkan pengaruh daripada Amerika Syarikat, orientasi pengetahuan di kedua-dua bidang sains dan sains sosial selalu mengambil pendekatan yang lebih berorientasikan positivis. Dalam perkataan lain, orientasi falsafah yang mengatakan bahawa pengetahuan seharusnya ditentukan berlandaskan atas hubungan sebab-akibat secara semulajadi mempengaruhi disiplin sains politik supaya lebih awal memberi perhatian kepada realiti empirikal. Dengan tumpuan yang diberikan oleh para positivis tradisional kepada apa yang dapat dilihat dan diteliti dalam realiti, maka penggunaan teori dan konsep selalunya diguna untuk membantu orientasi empirikal ini secara khusus. Penggunaan tersebut bukan semata-mata untuk mengaitkan teori dengan empiri, tetapi untuk membantu kefahaman empirikal. Disebabkan pengaruh kuat Amerika Syarikat dalam sains sosial, program sains sosial di UKM telah sedikit sebanyak menghalang usaha menentukan pilihan alternatif dalam usaha menimba ilmu. Hal ini tidaklah bermakna pengetahuan yang diperolehi tradisi positivis itu bukan pengetahuan, tetapi para pelajar dan pensyarah harus sekurang-kurangnya peka kepada pelbagai alternatif paradigmatik dalam penimbaan epistemologikal (Gordon 1991:21-305).

Sistem pendidikan di Malaysia secara am dan sistem persekolahan tinggi secara khusus, juga boleh dipertanggungjawab bagi kekurangan kreativiti dan imaginasi di kalangan pelajar yang memasuki universiti dan institusi pengajian tinggi yang lain. Penekanan yang diberi kepada keputusan peperiksaan, tindakan mengarahkan pelajar ke dalam aliran sastera dan sains dalam usia yang terlalu awal dan struktur kurikulum yang ketat telah menghalang perkembangan pemikiran inovatif dan imaginatif pelajar dalam pelbagai mata pelajaran. Jadi, apabila pelajar-pelajar ini memasuki universiti tempatan, mereka cenderung untuk mengelak daripada mengambil mata pelajaran dan kursus yang memerlukan pemikiran kreatif. Biasanya, kursus bersifat teoritikal dan falsafah akan dielakkan ataupun mereka menunjukkan minat yang rendah terhadap menerima sesetengah cabaran epistemologi. Sama ada seseorang itu membincang disiplin sains politik mahupun disiplin yang lain, terdapat perkongsian pendapat bahawa para pelajar menunjukkan kecenderungan yang kurang dari segi membangunkan minat dalam perbincangan teoritikal. Soalan duniawi yang sering dibangkitkan oleh pelajar adalah: apakah relevansi teori kepada orientasi khusus mereka?

Usaha memperbaiki kualiti kakitangan pengajar, pengenalan lebih banyak kursus yang berbentuk teoritikal dan pemberian am ke atas kurikulum boleh memperbaiki status epistemologi disiplin tersebut sehingga tahap tertentu. Namun begitu, sesebuah anjakan paradigma perlukan pemikiran yang holistik. Sebuah pemikiran yang memerlukan pembentukan kualitatif ke atas kurikulum di universiti dan sekolah dan yang paling penting adalah sebuah penilaian kritikal yang menyeluruh ke atas program akademik yang sedia ada, sifat semulajadi pengaruh asing dan orientasi tertentu para pensyarah. Sesetengah sarjana yang

mempunyai pemikiran yang kritis akan bergerak ke tahap tertentu dengan meletakkan masalah-masalah orientasi dan intelektual di universiti-universiti sebagai kesan merebaknya sejenis pemikiran orientalis. Berkaitan dengan ini, mendiang Edward Said (1978) telah banyak menulis tentang orientalisme dan bagaimana penyerapan idea kuasa-kuasa hegemoni tanpa sikap kritis lazimnya akan mengarah kepada satu keadaan “kurungan akademik” antara para sarjana dan pelajar dalam negara-negara bekas jajahan. Ini tidak bermaksud Said menolak fahaman orientalisme sepenuhnya. Namun, beliau memberi amaran bahawa tanpa pembangunan pemikiran kritikal dan tanpa adanya perbincangan ke atas perkara yang berkenaan dengan pengetahuan akan menyebabkan kebebasan yang dimenangi dalam ruang politik hilang dalam jangka masa singkat atau kemudiannya (Turner 1994).

Dalam dunia pembangunan khususnya dalam negara-negara bekas jajahan, subjek berkaitan dengan pemperibumian pengetahuan (indigenisation of knowledge) telah diketengahkan dari semasa ke semasa. Walaupun pada kebanyakan masa, konsep pemperibumian tidak dijelaskan secara terang, masih terdapat faedah menimbulkan konsep yang amat penting ini. Dalam kata lain, konsep pemperibumian telah dibangkitkan secara am untuk mempastikan bahawa pengajaran dan propaganda pengetahuan sama ada di bidang sains mahupun sains sosial bergerak selaras dengan keutamaan politik, sosial, ekonomi dan budaya negara-negara bekas jajahan. Terdapat hujah mengatakan bahawa aplikasi konsep dan idea yang dihasilkan secara tidak kritis mungkin tidak relevan atau bersesuaian dengan laluan pembangunan negara membangun. Pemperibumian mungkin wujud di universiti-universiti tempatan, tetapi masih belum dibangunkan secara sistematis (Alatas, Syed Farid 2000). Di peringkat program sains politik secara tidak langsung, pengajaran politik Malaysia, penggunaan teori dan konsep untuk menjelaskan fenomena politik Malaysia mungkin boleh ditafsirkan sebagai penggunaan pendekatan pemperibumian pengetahuan. Walau bagaimanapun, di luar batasan ini, pemperibumian tidak bergerak secara berkesan seperti yang dijangkakan oleh sekumpulan sarjana yang berfikiran secara kritikal dan nasionalistik. Kuasa yang dikenakan oleh hegemoni intelektual Barat, pemikiran terkurung para sarjana dan pelajar, kekurangan daya politik dan pengenaankekangan-kekangan ke atas politik, sosial, dan ekonomi oleh neo-liberalisme pada kebelakangan ini telah bertindak mencegah apa yang boleh dikonsepkan secara popular sebagai pemperibumian pengetahuan. Disiplin sains politik tidak berbeza daripada disiplin lain di semua universiti di dalam negara (Alatas, Syed Husin 1974).

PERUBAHAN PENTADBIRAN

Perubahan pentadbiran merupakan suatu yang normal di kebanyakan universiti. Ia dijalankan dengan tujuan memperbaiki perjalanan dan pencapaian Fakulti,

Jabatan dan Program. Maka, sehubungan ini adalah tidak berasa berfikiran bahawa pentadbiran tidak memberi kesan kepada hal akademik berkaitan dengan pemberian akademik dan intelektual dalam pelbagai disiplin, sama ada dalam bidang sains ataupun sains sosial. Seperti yang dinyatakan di awal makalah ini, UKM merupakan satu-satunya universiti di seluruh negara yang berupaya menjadikan Jabatan Sains Politik memiliki struktur pentadbiran yang berasingan berbanding dengan disiplin akademik yang lain. Walau bagaimanapun, akibat proses penstrukturuan semula yang dijalankan pada tahun 2001, disiplin sains politik telah kehilangan struktur pentadbiran berasingannya akibat kemasukan-nya ke dalam Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi yang baru dibentuk yang berkongsikan sebuah struktur pentadbiran yang sama. Walaupun penstrukturuan pada asasnya bersifat pentadbiran, namun ia telah memberi kesan kepada disiplin tersebut dari segi autonominya di dalam semua aspek FSKK.

Walaupun pelaksanaan penstrukturuan semula telah mendekatkan disiplin seperti pengajian sejarah, politik dan strategi dari segi pentadbiran, tetapi didapati bahawa integrasi pengetahuan adalah sesuatu yang tidak begitu jelas. Penekanan yang berterusan untuk bergerak ke arah pendekatan bersepada dalam sains sosial, walaupun terdapat faedahnya, tetapi telah dibantutkan oleh beberapa faktor. Kurangnya panduan daripada pihak universiti, kurangnya juga pengkonseptualan mengenai apa yang menjadikan sebuah pendekatan sains sosial sebagai yang bersepada, bentuk pemikiran tradisional para pensyarah, dan kursus-kursus teras disiplin yang sedia ada telah mencegah apa yang dianggap sebagai pendekatan inter-disiplin yang longgar dalam sains sosial. Terdapat juga salah faham di kalangan golongan individu tertentu bahawa aliran ke arah pendekatan multidisiplin akan menyebabkan dalam jangka masa panjang disiplin tradisional ditutup. Sesuatu pendekatan multidisiplin tidak seharusnya menjadi sesuatu yang menggantikan pendekatan disiplin yang sedia ada. Pendekatan itu sebaliknya, seharusnya menjadi sesuatu yang digunakan untuk memahami realiti politik, sosial dan ekonomi yang berlaku di dalam persekitaran kita. Maka, tanpa kehadiran dan penerusan kursus-kursus yang berdasarkan disiplin, adalah sukar untuk mempertahankan pendekatan multidisiplin. Malah, secara nyata asas kewujudan pendekatan multidisiplin adalah didasarkan kepada kursus-kursus yang berdasarkan disiplin tradisional. Oleh itu, adalah amat penting bagi pihak universiti memahami perkara ini sebelum bercakap tentang perlunya pendekatan multidisiplin. Ini boleh dilihat seterusnya dalam pengenalan kursus-kursus berdasarkan empirikal dalam kajian wilayah, politik perbandingan dan antarabangsa yang berkehendakkan para saintis sosial daripada disiplin yang berbeza supaya mengambil pendekatan yang komprehensif berdasarkan pengetahuan tertentu yang lebih khusus daripada disiplin masing-masing.

Usaha mengembangkan program pengajian kawasan di dalam FSKK perlu diterima dan digalakkan. Program pengajian kawasan memerlukan perhatian multidisiplin. Dalam erti kata lain, ia memerlukan usaha menyepadan kakitangan daripada pelbagai disiplin untuk mengajar dan menjalankan

penyelidikan. Walau bagaimanapun, adalah tidak jitu untuk mengatakan bahawa program pengajian kawasan boleh wujud tanpa kehadiran pelbagai disiplin teras tradisional. Adalah amat mustahak bagi pihak universiti menyedari perkara ini. Cadangan membentuk sebuah pusat baru dalam kajian kawasan dan antarabangsa bagi menyatukan disiplin sains sosial tradisional seperti sains politik dan sejarah mungkin merupakan satu tindakan yang betul. Walaupun pusat yang berbeza mungkin adalah sebuah idea yang baik, tetapi usaha perlu dilakukan bagi memastikan disiplin teras tradisional tidak dilemahkan dalam proses penstrukturran tersebut. Ini bermakna, setiap percubaan perlu dilakukan dengan cara berunding, berbincang dan telus untuk mempastikan bahawa disiplin teras diperkuatkan dan bukan sebaliknya dalam keghairahan mewujudkan dan mengekalkan program-program empirikal yang lebih bersifat gunaan berbanding dengan sifat asas-asasnya. Tidak mungkin adanya pendekatan multidisiplin atau gunaan tanpa perlanjutan disiplin teras itu.

Penstrukturran semula yang berlaku pada tahun 2001 mungkin secara sedar atau tidak telah meletakkan Program Sains Politik di dalam keadaan tanpa suara dan tanpa perwakilan dalam struktur/sistem pembuat keputusan Fakulti. Walau bagaimanapun, masih tidak terlambat untuk mengelakkan penurunan taraf Program secara berterusan. Walaupun penstrukturran di masa hadapan mungkin tidak dapat dipastikan dan akan selalu wujud kemungkinan bahawa disiplin sains politik akan dikembalikan kepada keadaan asal pegangan pentadbirannya, namun adalah menjadi desakan agar program tersebut diperkuatkan. Berbanding dengan disiplin lain di dalam Fakulti, sains politik adalah asas kepada kemunculan/terbitan sub-disiplin dalam pengajian strategi, UKM-IDHL dan UKM-MPAT. Tanpa kewujudan sains politik, maka tidak akan wujud perkara seperti hubungan antarabangsa, ekonomi politik antarabangsa, pengajian strategi dan keselamatan malah pengajian yang berkaitan dengan pertahanan. Secara nyata, mereka yang terlibat dalam pengajaran program-program gunaan ini pernah mendapat latihan akademik dalam bidang sains politik. Pihak universiti seharusnya menyedari kepentingan ini dan mengambil langkah yang bersesuaian untuk terus memperkuatkan disiplin ini di masa-masa akan datang.

PERUBAHAN MASA DEPAN

Kerelevanan Program Sains Politik mungkin tidak sekadar terletak pada cara pentadbiran program tersebut. Perubahan makro global dan cara ia memberi kesan kepada perkembangan nasional mungkin menjadi penting dalam menentukan laluan masa depan disiplin ini. Dalam keadaan global sekarang, anjakan serantau dan nasional yang berkaitan dengan kesan globalisasi seolah-olah memberi kesan yang ketara ke atas pihak akademia. Keinginan kebanyakan negara untuk menyertai dan mendapat manfaat daripada kitaran modal, pelaburan dan komoditi global telah mempengaruhi negara supaya mengambil

sesetengah pendekatan untuk memastikan bahawa faedah yang optima dapat dikecapi. Malaysia, seperti juga negara-negara lain terperangkap dalam imperatif ini. Usaha untuk menyelaraskan (*synchronize*) pembangunan politik, ekonomi dan sosial dengan keperluan pasaran menunjukkan bahawa kesan yang berkuasa ke atas sistem pendidikan tinggi telah berlaku. Keutamaan yang diberikan kepada pembangunan program-program akademik sains, perniagaan dan teknologi telah mengurangkan minat terhadap sains sosial dan kemanusiaan. Baru-baru ini, terdapat banyak perbincangan tentang ketakberkaitan disiplin sains sosial dan mereka mungkin relevan dengan dunia global. Malah, tindakan mengaruhkan peruntukan dan geran penyelidikan kepada sains semulajadi telah mewujudkan kebimbangan terhadap pemunggiran sains sosial.

Kemungkinan globalisasi menyumbang kepada fundamentalisme pasaran adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan atas alasan politik dan ekonomi, tetapi pemahaman asas tentang konsep dan sifat semulajadi kesannya ke atas bangsa memerlukan sumbangan analisis daripada para ahli sains sosial. Sains sosial mempunyai peranan utama dari segi membuat penilaian dan penelitian bagi mengurangkan kesan-kesan negatif globalisasi yang dihasilkan oleh falsafah neo-liberal. Pelajar sains sosial harus diberi peluang mendedahkan diri kepada tokoh-tokoh terkemuka seperti Karl Marx (1959) dan Karl Polanyi (1944) yang menghujah secara sistematik dan menyakinkan bahawa perluasan pasaran bukanlah satu jawapan kepada kestabilan masyarakat. Marx telah membincang secara panjang lebar tentang bagaimana sejarah pembangunan kapitalisme dan eksloitasi ke atas kelas pekerja bukan sahaja melemahkan institusi tradisional buruh, malah menyumbang kepada penentangan dalam bentuk yang baru. Menurut Polanyi pula, percubaan untuk mengagungkan pasaran dengan menjajaskan masyarakat pasti akan membangkitkan penentangan daripada anggota masyarakat (Ramasamy 2005).

Malahan, perbezaan pendapatan antara Utara-Selatan, ketidakseimbangan antara dan di dalam negara bangsa yang ekstrim, ketidakseimbangan etnik, konflik kemiskinan dan identiti bermaksud bahawa sains sosial tidak akan kurang kepentingannya, sebaliknya menjadi semakin relevan. Adalah perlu untuk mengingatkan bahawa pendidikan yang bagus dalam sains sosial bukanlah dihasilkan daripada peningkatan pengetahuan semata-mata untuk pengetahuan, tetapi adalah hasil dimensi praktikal untuk memahami dan mengubah sesuatu keadaan kepada yang lebih baik adalah komponen yang penting. Dengan batasan yang ada, disiplin-disiplin ini menyediakan peluang yang penting kepada golongan lelaki dan wanita untuk memiliki peralatan akademik dan intelektual mereka bagi memastikan dunia menjadi penempatan yang semakin baik, selamat dan demokratik untuk setiap orang. Maka, perbincangan tentang ketidak-relevanans sains sosial pada asasnya merupakan percubaan pihak entusiastik pasaran untuk membentuk satu arah yang membenarkan penembusan global oleh kuasa pasaran yang tidak terlindung yang menjadi satu-satunya alternatif yang disediakan kepada manusia. Penghapusian alternatif lain, slogan TINA (*there*

(is no alternative to globalization), perbincangan satu arah tentang apa yang relevan dan apa yang tidak relevan serta percubaan mendalam untuk mengaruhkan perubahan dalam kurikular akademia menggambarkan satu keperluan ideologi kapitalisme moden masa kini.

PENUTUP

Untuk hampir dua dekad, program sains politik di UKM telah memperolehi manfaat hasil struktur jabatan dalam usaha perluasan dan pembentukan kepopularitan di peringkat nasional. Ketika itu Jabatan Sains Politik ditubuhkan bertujuan menyediakan program-program ijazah di peringkat ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan Doktor Falsafah. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh Jabatan berbentuk kursus-kursus teras dan elektif untuk mempastikan para graduan telah dide dahkan dengan pendidikan yang menyeluruh dalam disiplin sains politik. Dengan kemasukan kakitangan tambahan khususnya mereka yang memiliki kelayakan Doktor Falsafah, Jabatan ini telah berupaya memperkenalkan lebih banyak kursus khususnya yang berkaitan dengan sub-bidang politik perbandingan. Di awal tahun-tahun 1990an, sebuah program ijazah sarjana dalam politik baru telah diperkenalkan. Dengan penyempurnaan penstruktur semula pada tahun 2001, struktur Jabatan telah digantikan dengan struktur program di dalam PPSPS. Perkembangan disiplin sains politik telah dirosakkan akibat sesetengah masalah epistemologi. Penekanan yang berat ke atas kursus-kursus empirikal dengan mengabaikan teori dan falsafah banyak dipengaruhi akademik Amerika yang meletakkankekangan/halangan kepada pembangunan pelajar. Penekanan positivis terhadap empirisis tidak membuka alternatif lain kepada pelajar untuk diterokai. Malahan, penstruktur semula yang dilakukan pada tahun 2001 telah meletakkan disiplin tanpa struktur pentadbiran yang mungkin menyediakan suara yang penting atau perwakilan dalam bulatan pembuatan keputusan. Kerelevan disiplin ini dapat dilihat menerusi perluasan program-program yang berkaitan dengan sub-bidang pengajian hubungan antarabangsa, ekonomi politik antarabangsa, dan strategi dan keselamatan. Penekanan kepada pendekatan multidisiplin dalam fakulti mungkin menimbulkan masalah sekiranya disiplin tradisional dan teras tidak diperkuuhkan di masa hadapan. Keperluan terhadap peralatan akademik dan intelektual untuk memahami sifat semulajadi globalisasi yang berbahaya telah memerlukan satu stamina yang baru untuk menyegarkan semula disiplin sains sosial secara am dan sains politik secara khusus.

RUJUKAN

- Alatas, Syed Farid. 2000. Academic Dependency in the Social Sciences: Reflections on India and Malaysia. *American Studies International*, 6/1, <http://www.highbeam.com/library/doc3.asp?ctrlInfo=Round9c%Aprod....67268247&print=ye>

- Alatas, Syed Husin. 1974. The Captive Mind and Creative Development. *International Social Science Journal* 36(4):691-700.
- Gordon, S. 1991. *The History and Philosophy of Social Science*. London and New York: Routledge.
- Marx, K. 1959. *Capital*, Vol. I. New York: International Publishers.
- Polanyi, K. 1944. *The Great Transformation*. Boston: Beacon Publishers.
- Ramasamy, P. 2005. *Kaum Buruh dan Globalisasi: Ke Arah Internationalisme Baru*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ramasamy, P. 1983. The State of Social Sciences in Malaysia: A Brief Historical Review. *Ilmu Masyarakat*, Okt-Dis: 67-69.
- Riggs, F.W. 2000. Fundamental Concepts of Political Science: An Impressionistic Narrative of the American Experience. <http://www2.hawaii.edu/~fredr/pscon.htm>
- Said, E. 1978. *Orientalism*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Shaharir Mohamad Zain (pnyt.). 1994. *Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia: Tafsiran dan Penghayatan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Turner, B.S. 1994. *Orientalism, Postmodernism and Globalism*. London and New York: Routledge.
- Universiti Kebangsaan Malaysia. 2003. *Panduan Siswazah: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Sesi Akademik 2003-2004*. Bangi: Penerbit UKM.
- _____. 1980. *Kalendar Universiti 1980-1981*. Bangi: Penerbit UKM.
- _____. 1985. *Kalender Universiti 1985-86*. Bangi: Penerbit UKM.
- _____. 1985. *Panduan: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Sesi 1985-86*. Bangi: Penerbit UKM.
- _____. 1991. *Panduan: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Sesi 1991-92*, Bangi: Penerbit UKM.
- _____. 1997. *Panduan: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Sesi 1997-98*, Bangi: Penerbit UKM.
- _____. 2002. *Panduan Prasiswa: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Sesi Akademik 2002-2003*. Bangi: Penerbit UKM.
- _____. 2004. *Panduan Siswazah: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Sesi Akademik 2004-2005*. Bangi: Penerbit UKM.

P. Ramasamy Ph.D
Pusat Sejarah, Sains Politik dan Strategi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor, D.E.
Malaysia